

Malaysia, Singapura perkukuh hubungan

Dua negara terus cari penyelesaian isu berkaitan air, sempadan maritim dan FIR

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia dan Singapura komited terus memperkukuh hubungan dua hala serta mencari penyelesaian bersama terhadap isu tertunggak berkaitan air, sempadan maritim dan Informasi Penerbangan Wilayah (FIR).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yakin semua isu berkenaan dapat diselesaikan menerusi rundingan berterusan, mengambil kira kedudukan dan hubungan kukuh di antara pemimpin kedua-dua negara.

"Kami membincangkan semua isu, (termasuk) beberapa yang tertunggak mengenai zon kewangan, zon ekonomi yang terus berjalan dengan baik. Meningkatkan fenomena perdagangan dan pelaburan ke Malaysia, begitu juga penyertaan kita dalam cara yang mungkin lebih kecil di Singapura.

"Kami juga menyentuh parameter lebih luas untuk membincangkan isu air, FIR dan sempadan maritim yang saya fikir harus diselesaikan demi kepentingan hubungan masa depan dan mengeratkan ikatan persahabatan antara kedua-dua negara," katanya.

Anwar berkata demikian pada sidang media bersama rakan sejawatannya dari Singapura, Lawrence Wong, yang mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia di Putrajaya semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan selama lebih sejam bersama Wong untuk berbincang mengenai langkah bagi mengukuhkan hubungan dua hala antara negara.

Wong tiba di Malaysia untuk lawatan kerja dua hari semalam, yang menjadi lawatan sulung beliau selepas dilantik sebagai Perdana Menteri republik itu pada 15 Mei lalu.

Dalam pertemuan itu, Anwar turut menyatakan hasrat Malaysia agar Singapura dapat menghantar gurunya bagi mengajar Bahasa Inggeris dan beberapa subjek lain di negara ini.

"Biarlah graduan muda buat pilihan mereka sendiri jika mereka boleh dan saya amat gembira dengan Perdana Menteri



Anwar dan isteri, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail bersama Lawrence Wong dan isteri, Loo Tze Loo disajikan persembahan tradisional sempena lawatan kerja dua hari Perdana Menteri Singapura itu ke Malaysia.

(Foto BERNAMA)

Wong untuk bersedia menyatakan (menerima permintaan Malaysia) ini secara positif.

"Ini (hasrat) bukan apa yang disediakan oleh pegawai (pada sidang media ini). Kami hanya mahu membuktikan bahawa adakalanya Perdana Menteri boleh membuat keputusan sebelum menteri (umumkan)," katanya.

Menyentuh mengenai ASEAN, Anwar berkata, kedua-dua negara bersetuju untuk memberi tumpuan dalam mendepani cabaran baharu berkaitan perdagangan, digital, tenaga dan pelaburan.

"Kami menyentuh beberapa keperluan untuk bekerjasama dalam rangka kerja ASEAN, kerana bagi Malaysia dan Singapura, ASEAN adalah amat penting dan strategik.

"Kami berdua komited untuk memastikan ASEAN terus berfungsi dengan lebih berkesan dan fokus menghadapi cabaran baharu tenaga, perdagangan digital dan pelaburan bersama," katanya.

Berusaha perluas kerjasama

Sementara itu, Wong berkata, Singapura akan terus berusaha memperluas kerjasama dengan Malaysia di pelbagai sektor termasuk pelaburan, perdagangan, kesihatan, selain bidang baru ekonomi digital dan tenaga boleh diperbaharui.

"Kami komited untuk menjayakan projek yang diusahakan bersama, iaitu Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) antara Johor Bahru dan Singapura," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan media, Anwar berkata, tiada garis masa dipersetujui dalam mencari penyelesaian terhadap

perkara tertunggak berkaitan isu air, sempadan maritim dan FIR itu, tetapi beliau berharap ia dapat diselesaikan sebelum mesyuarat dua hala menjelang akhir tahun ini.

Katanya, dalam pertemuannya bersama Wong semalam, beliau memberi jaminan akan bekerja pada kadar lebih pantas, memandangkan penyelesaian segera terhadap isu itu akan memberi kebaikan kepada kedua-dua negara.

"Kamu bertanya garis masa dan mereka sepatutnya menyelesaikannya semalam. Namun kami memahami kerumitan dan kami menghargai keperluan untuk menyelesaikan perkara ini secara baik, biarpun ada beberapa perbezaan kecil.

"Ia (isu tertunggak ini) tidak seharusnya menghalang kita daripada meneroka jalan baharu dan bekerjasama. Saya fikir jika mereka boleh selesaikan esok, minggu depan, kita akan jemput Wong untuk datang.

"Kita perlu selesaikannya sekali. Saya agak bercita-cita tinggi. Saya mahu ini dipamerkan kepada rantau ini dan dunia bagaimana jiran yang baik harus bertindak dan berinteraksi. Jadi, saya menantikan resolusi dalam pertemuan terakhir itu," katanya.

Lawatan kerja Wong ini juga sebagai persediaan untuk Sesi Permukiman Tahunan Pemimpin-Pemimpin yang akan dianjurkan Malaysia pada akhir tahun ini.

Pada 2023, Malaysia dan Singapura masing-masing merupakan rakan dagang kedua terbesar di peringkat global serta terbesar dalam kalangan negara ASEAN dengan jumlah dagangan bernilai RM363.13 bilion (AS\$ 79.60 bilion).